

CNS0805

U GB 06-08 00195 BA247

aab

TENTANGAN RUMITKAN PROSES PERUBAHAN, KATA MAHATHIR

Mahathir - Tentangan

KUANTAN, 6 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan bahawa tentangan dan halangan yang biasanya dihadapi oleh kerajaan dalam menganjurkan sesuatu perubahan, hanya akan melambatkan proses itu sedangkan perubahan tersebut akhirnya berlaku juga.

Sebaliknya, menurut Perdana Menteri, jika sikap sanggup menerima perubahan dipupuk, perubahan itu akan berlaku secara lebih lancar dan tersusun serta mendatangkan lebih banyak manfaat dengan lebih cepat.

+Mereka yang berhempas-pulas menentang perubahan tidak akan berjaya kerana akhirnya perubahan akan berlaku juga. Hanya kerugian sahaja yang diperolehi daripada sikap tidak sanggup menerima perubahan ini,+ katanya ketika merasmikan perayaan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan di Taman Pertanian Negeri, Bandar Indera Mahkota di sini.

Katanya, dalam usaha menuju ke arah menjayakan +Wawasan Memajukan Pertanian+, rakyat boleh mencontohi pengalaman para nelayan yang tinggal di pulau-pulau yang menjadi pusat pelancongan dalam beberapa tahun ini.

+Nelayan-nelayan itu adalah antara golongan yang termiskin di negara ini serta mempunyai masa depan yang gelap. Tetapi apabila industri pelancongan berkembang maju, nelayan yang tidak berpelajaran pun ternampak peluang daripada industri itu,+ katanya. -- Lagi.

▼06/08/11-47MST

CNS0811

U GB 06-08 00179 BA248

aab

Mahathir - Tentangan 2 Kuantan

Perdana Menteri berkata selain daripada bekerja di hotel-hotel, mereka mendirikan chalet sendiri dan menjadikan bot ikan mereka sebagai bot pelancong. Pendapatan mereka meningkat berkali-kali ganda, sehingga menjejaskan industri perikanan.

Tema perayaan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan tahun ini ialah +Wawasan Memajukan Pertanian+.

Dr Mahathir berkata, pendekatan yang sesuai bagi mengatasi masalah terjejasnya industri penangkapan ikan itu ialah dengan menggunakan bot yang lebih besar untuk menangkap ikan di laut dalam.

+Kemungkinannya ialah nelayan laut dalam akan mendapat pendapatan yang lebih baik tetapi perubahan sikap yang radikal diperlukan kerana nelayan laut dalam terpaksa berada di lautan berminggu-minggu bahkan berbulan-bulan.

+Dapatkah kita mengubah sikap nelayan? Jika tidak,kita akan kekurangan ikan atau bergantung kepada orang asing untuk mendapatkan bekalannya,+ katanya.

Dr Mahathir seterusnya mengingatkan para peladang, penternak dan nelayan bahawa mereka akan menghadapi cabaran yang besar dalam menempuh tahun 2020 kerana perubahan amalan perdagangan antarabangsa, perlindungan pasaran dan persaingan daripada negara-negara yang mengeluarkan hasil dan barangan pertanian yang sama. -- Lagi.

▼06/08/11-50MST

CNS0815

U GB 06-08 00161 BA249

a a b

Mahathir - Tentangan 3 Kuantan

Masalah itu tidak boleh dipandang **ringan** kerana sektor pertanian asih menjadi sumber pendapatan utama kepada sebahagian besar penduduk negara terutama mereka yang berada di luar bandar.

Pertumbuhan sektor pertanian negara **pada** tahun **lepas** kekal **pada paras empat** peratus seperti tahun 1990. Dengan itu, sumbangan sektor pertanian kepada Keluaran **Dalam** Negeri Kasar (**KDNK**) terus merosot kepada 17.2 peratus daripada **18.8 peratus pada** tahun sebelumnya.

Pertumbuhan sektor pertanian yang kurang menggalakkan itu membayangkan masa depan sektor pertanian negara akan dipenuhi dengan pelbagai cabaran, **k a t a n y a l a g i .**

Perdana Menteri menambah kata, antara masalah pertanian ialah penghijrahan **tenaga muda** dari luar bandar ke bandar **kerana mereka** lebih terpelajar dan industri pembuatan **memberi** pendapatan yang lebih tinggi serta kerja yang selesa kepada mereka.

Katanya, negara boleh mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja itu dengan mengambil pekerja **asing** tetapi **ia** akan menimbulkan **banyak** masalah **pada masa akan datang. -- Lagi.**

▼06/08/11-53MST

CNS0818

U GB 06-08 00148 BA250

aab

Mahathir - Tentangan 4 Kuantan

**Sebaliknya,** negara **juga** boleh mengurangkan pengeluaran hasil **tani** dan bergantung kepada import untuk bekalan makanannya tetapi negara akan menghadapi kekurangan makanan sewaktu kecemasan.

Dr Mahathir seterusnya berkata, masalah kekurangan tenaga kerja **dalam** sektor pertanian memang dihadapi di **mana-mana** negara yang mengalih kepada industri pembuatan untuk pertumbuhan ekonomi.

Katanya, pendekatan negara-negara industri (**dalam** menghadapi masalah kekurangan tenaga **kerja**) ialah menggantikan tenaga manusia dengan jentera tetapi, perubahan dalam **cara-cara pertanian** terpaksa dibuat sebelum berlaku peralihan i tu.

+Jentera-jentera memang telah digunakan sejak sekian **lama** dalam bidang pertanian tetapi kecekapan yang tinggi tidak **diperolehi** kerana **cara-cara** pengurusan **masih** untuk pertanian secara **kecil-kecilan**.

+Dengan itu, jentera yang terbaik tidak dapat digunakan dengan cekap. **Sawah padi,** kebun buah-buahan dan kebun sayur masih **kecil** dan dimiliki oleh orang perseorangan yang biasanya kekurangan modal,+ katanya. -- **Lagi.**

▼06/08/11-55MST

CNS0820

U GB 06-08 00155 BA251

aab

Mahathir -- Tentangan 5 (Akhir) Kuantan

Sebenarnya, kata Dr Mahathir lagi, jumlah keluasan estet **getah** yang besar di negara ini hanya setengah sahaja daripada jumlah keluasan **estet-estet** pekebun kecil. Tetapi jumlah pengeluaran **getah** oleh estet besar itu merupakan sekali ganda lebih tinggi daripada jumlah yang dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil.

Oleh itu **katanya**, tidak mustahil **bagi** penanaman **padi**, buah-buahan dan sayur-sayuran memberikan hasil yang lebih tinggi jika diusahakan secara estet besar-besaran.

Beliau seterusnya berkata, petani zaman akan datang **perlu** terdiri daripada mereka yang terpelajar dan lebih terlatih dalam penggunaan **alat-alat moden** dan **cekap** dalam pengurusan estet.

+Bahkan pengurusan ladang mereka akan dibuat oleh **pengurus** profesional, **mungkin** daripada kalangan anak-anak mereka.

+Inilah wawasan pertanian kita, **+** **katanya**.

Menurut beliau, **bangsa** yang cekap ialah **bangsa** yang sanggup menerima kenyataan ini dan **membuat** persiapan untuk mengelak daripada berlakunya **terlalubanyak** peristiwa yang mendukacitakan. -- Bernama.

▼06/08/11-58MST